



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Nadim kuasai kolam renang

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

ATLET renang lelaki Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nadim Isaad masih dahaga untuk meleburkan rekod temasya dalam setiap acara yang disertai-nya pada Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT) 2016.

Keyakinan itu hadir selepas atlet kelahiran Jakarta, Indonesia itu berjaya memperbaharui rekod temasya dalam acara 1,500 meter (m) gaya bebas pada aksi yang berlangsung di Kompleks Renang, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor semalam.

Nadim, 23, yang meraih pingat

emas dengan catatan masa 18 minit 19.88 saat sekali gus memadam rekod lama dilakukan oleh Ian Leondy Bell dari Universiti Sains Malaysia (USM), 18:58.27s sewaktu SukIPT 2012.



Lantaran itu, Nadim bertekad untuk memecahkan lima lagi rekod temasya yang bakal disertai dalam SukIPT 2016 iaitu 800m gaya bebas, 400m gaya bebas, 200m gaya bebas,

100m kuak lentang dan 200m rampaian.

“Ini pertama kali saya beraksi pada temasya ini sebab itu saya rasa bangga dapat memecahkan rekod SukIPT. Saya memang tak sangka dapat melakukannya kerana saya baru berlatih sebu-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

lan sahaja.

“Saya ambil enam acara di sini, jadi kalau boleh saya nak menang pingat emas sebanyak yang mungkin. Kalau ada rezeki, saya mahu pecahkan lagi rekod dalam semua acara saya selepas ini,” katanya.

Pelajar jurusan Sains Sukan itu juga turut mendedahkan, dia tidak mahu memikirkan mengenai kekuatan lawannya,

sebaliknya hanya menumpukan perhatian terhadap persembahannya sahaja.

Pingat perak dalam acara itu dimenangi oleh perenang Universiti Sunway, Edward Chang Zie Xian, 19, dengan catatan masa 18:32.12s sementara bekas pemegang rekod temasya, Leondy Bell (19:26.44s) sekadar meraih gangsa.



NADIM membuktikan dia sukar digugat dalam acara renang pada SukIPT 2016.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

